

**MINIT MESYUARAT BULANAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA APARTMENT DAN KEDAI  
SEKSYEN 7 LESTARI PERDANA BAGI BULAN APRIL 2012**

- TARIKH** : 5 APRIL 2012 (KHAMIS)
- MASA** : 09.30 MALAM – 10.30 MALAM
- TEMPAT** : PEJABAT BADAN PENGURUSAN BERSAMA
- KEHADIRAN** : Encik Mohd Khazimi Bin Ismail ( Pengerusi)  
Puan Siti Radziah Binti Alip ( Setiausaha)  
Encik Mohamad Bin Ibrahim  
Puan Zawiah Binti Yusoff  
Encik Megat Hishamuddin Bin Megat Othman
- TIDAK HADIR** : Haji Mohd Noor Bin Jusoh ( Bendahari )  
  
Puan Fuziah Hanim Binti Sulaiman

**1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan ucapan terima kasih di atas kehadiran Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersama (JMC) untuk menjayakan mesyuarat bulanan pada kali ini.

**2.0 UCAPAN PEMBUKAAN OLEH PENERUSI**

- 2.1 Encik Mohd Khazimi bin Ismail selaku Pengerusi memulakan dengan meneliti minit yang lepas dan mesyuarat mengesahkannya.
- 2.2 Haji Mohd Noor memaklumkan beliau tidak sempat untuk hadir ke mesyuarat kerana petang tadi di menguruskan pendaftaran pekerja pembersihan di Jabatan Imigresen dan urusan lain yang berkaitan.

**3.0 AGENDA MESYUARAT**

- 3.1 Berdasarkan rekod kewangan bagi bulan Mac 2012 sejumlah RM 11552.00 berjaya dikutip berbanding hanya RM 9088.00 bagi bulan sebelumnya. Blok K mencatatkan kutipan tertinggi iaitu sebanyak 73.87 peratus ( RM 1391.00 dan blok A mencatatkan kutipan terendah iaitu sebanyak 10.83 peratus ( 302.00) Walau bagaimanapun kenaikan tersebut masih lagi tidak dapat membantu untuk menyelesaikan bayaran untuk kos pemasangan lampu tambahan dan juga bil elektrik yang meningkat berikutan penambahan lampu. Kenaikan ini adalah disebabkan peningkatan jumlah terimaan dari unit kedai. Kutipan dari unit kedai telah mencapai 40 peratus melebihi unit kediaman.

- 3.2. Pengerusi memaklumkan telah menerima surat tunjuk sebab daripada Puan Rohana Binti Zainal di atas kecuiaan beliau sehingga menyebabkan kehilangan dua keping cek yang bernilai RM 5000.00. Walau bagaimanapun Puan Rohana berjanji akan menggantikan jumlah tersebut dalam tempoh seminggu. Setelah meneliti surat tunjuk sebab tersebut, kesemua AJK memutuskan supaya kakitangan tersebut dihentikan serta merta dan digantung gaji bulan lepas sehingga audit selesai. Mesyuarat memutuskan supaya Puan Rohana membayar balik ganti rugi disebabkan kecuiaan tersebut dengan segera. Sekiranya beliau tidak membayar dalam tempoh tersebut laporan polis perlu dibuat dan laporan lengkap perlu dihantar ke Pesuruhjaya Bangunan untuk tindakan undang-undang. Pengerusi memaklumkan pegawai audit akan datang ke pejabat pagi besok dan akan melaksanakan kerja-kerja audit sehingga selesai. Pengerusi mencadangkan audit dilaksanakan sehingga bulan Mac 2012. Pengerusi memaklumkan kes tersebut telah dimaklumkan kepada peguam. Pengerusi juga mencadangkan supaya individu dari golongan profesional seperti peguam, polis, SPRM dan sebagainya dilantik sebagai penasihat dalam organisasi bagi memastikan organisasi ini bebas 100 peratus dari unsur yang mencurigakan seterusnya akan meningkatkan keyakinan semua pemilik.
- 3.3. Pengerusi memaklumkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ( LPHS ) telahpun memasukkan permohonan mengecat bangunan ke dalam projek fasa ketiga
- 3.4. Pengerusi memaklumkan bahawa lokasi untuk Klinik 1 malaysia telah dikenalpasti dan akan dibuka di Blok C bersebelahan dengan Pasar Segar Lestari.

#### **4.0 HAL HAL LAIN**

- 4.1 Cadangan supaya pada masa akan datang perlu berhati-hati untuk memilih pekerja dan menetapkan syarat utama ialah menutup aurat, tidak tinggalkan solat dan perlu diselidiki latar belakang secara terperinci sebelum diterima untuk bekerja.
- 4.5 Mesyuarat ditangguhkan jam 10.30 malam

Disedaiakan Oleh

Disahkan oleh

Siti Radziah binti Alip

Mohd khazimi Bin Ismail

( Setiausaha )

( Pengerusi )